



13 Oktober 2023
13 October 2023
P.U. (A) 311

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN
KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN)
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2023

*MALYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD
(INCORPORATION) (COMPOUNDING OF OFFENCES)
REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1973

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(PEMERBADANAN) (PENGGOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [*Akta 105*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pengkompaunan Kesalahan) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

Tatacara mengkompaun

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah sah bagi tempoh empat belas hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh Ketua Pengarah dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang

diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

Penyetujuterimaan kompaun

4. Seseorang yang menyetujui terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang 3 itu kepada Ketua Pengarah.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu secara tunai, melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, atau melalui perbankan elektronik.

(2) Pembayaran yang dibuat di bawah subperaturan (1)—

- (a) secara tunai hendaklah diserahkan sendiri kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia atau mana-mana cawangan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua; atau
- (c) melalui perbankan elektronik ke dalam nombor akaun bank yang dipaparkan melalui laman web Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan resit pembayaran hendaklah diserahkan sebagai bukti pembayaran.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat

6. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Pembatalan

7. Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan) 1999 [*P.U. (A) 110/1999*] dibatalkan.

Kecualian

8. Apa-apa Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan atau Penyetujuteraan Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan) 1999 [*P.U. (A) 110/1999*] hendaklah diuruskan, diteruskan dan diselesaikan di bawah Peraturan-Peraturan ini seolah-olah tawaran itu telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

(a) kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 seperti yang berikut:

- (i) subseksyen 17(6);
- (ii) subseksyen 18A(2);
- (iii) subseksyen 20(3);
- (iv) subseksyen 26L(2); dan
- (v) subseksyen 26V(2);

(b) kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pendaftaran) 2023 [P.U. (A) 297/2023] seperti yang berikut:

- (i) subperaturan 14(2);
- (ii) subperaturan 15(2); dan
- (iii) subperaturan 17(2).

JADUAL KEDUA

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1973

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(PEMERBADANAN) (PENGGOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

KEIZINAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 30B(1) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [*Akta 105*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya (*nama*) dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun (*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah yang dikatakan telah dilakukan pada (*tarikh*) di (*tempat*)

Bertarikh hari bulan..... 20.....

.....
Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya

BORANG 2

[Subperaturan 3(1)]

AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1973

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(PEMERBADANAN) (PENGGOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Nombor rujukan:

Tarikh :

Ketua Pengarah

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Tingkat 13-17, Menara PGRM

No. 8, Jalan Pudu Ulu

56100 Cheras

Kuala Lumpur

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan*,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda

*(nyatakan nama *syarikat/perniagaan/badan lain, jika ada)*

dan anda telah didapati melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105]/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta dengan butir-butir yang berikut:

(a) peruntukan Akta/peraturan-peraturan yang berkaitan**:

.....

(b) tarikh:

(c) masa:

(d) tempat atau premis:

(e) butir-butir kesalahan:

.....

.....

.....

2. Menurut subseksyen 30B(1) Akta Lembaga Perindustrian Kayu (Pemerbadanan) 1973, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM (. ringgit sahaja).

3. Sekiranya tawaran kompaun diterima, bayaran hendaklah dibuat secara tunai/melalui kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank atau draf bank* dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada "Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia" dan hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar ke alamat yang berikut:

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu
56100 Cheras, Kuala Lumpur

4. Pembayaran secara perbankan elektronik hendaklah dibuat ke dalam nombor akaun bank yang dipaparkan melalui laman web Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan resit pembayaran hendaklah diserahkan sebagai bukti pembayaran.

5. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

6. Tawaran untuk mengkompaun ini sah sehingga

7. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda/.....

*(nyatakan nama *syarikat/perniagaan/badan lain, jika ada)*

tanpa notis selanjutnya.

.....
Ketua Pengarah

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

** Masukkan nama perundangan yang berkaitan

BORANG 3

[Subperaturan 3(2)]

AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1973

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(PEMERBADANAN) (PENGGOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Nombor laporan:

Kepada:

Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu
56100 Cheras
Kuala Lumpur

Tuan/Puan*,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan dan bertarikh

2. Saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama-sama ini pembayaran *secara tunai atau melalui kiriman wang/kiriman pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No. dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia atau bukti pembayaran melalui perbankan elektronik bagi jumlah wang sebanyak RM (..... ringgit sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan itu.

Tandatangan :

Nama (*huruf besar*) :

No. Kad Pengenalan/No. Pasport* :

Nama jawatan (*jika berkenaan*) :

Bagi pihak (*jika berkenaan*) :

(nyatakan nama **syarikat/perniagaan/badan lain, jika ada*)

Meterai Syarikat/Cap Perniagaan
badan lain* (*jika berkenaan*) :

No. Pendaftaran Syarikat/No. Lesen/
No. Permit* (*jika berkenaan*) :

Alamat :
.....
.....

Tarikh :

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**Nota: Bayaran kompaun hendaklah dibuat atas nama:
"Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia"**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tarikh Bayar:

.....

No. Resit Rasmi:

.....

Dibuat 31 Julai 2023
[MPIC.KTK (S) 600-1/1/2 Jld. 2 (17); PN(PU2)129/Jld. 12]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Perladangan dan Komoditi

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION) ACT 1973

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION)
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) Act 1973 [*Act 105*], the Minister, after consulting the Board, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) (Compounding of Offences) Regulations 2023**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2024.

Compoundable offences

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed as compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the consent in writing of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.

Procedure for compounding

3. (1) Upon receipt of any information or complaint that an offence which may be compounded has been committed, the Director General may issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence shall be valid for a period of fourteen days starting from the date the offer is received by the person to whom offer is made or such extended period as the Director General may grant and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of fourteen days or such extended period granted, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

Acceptance of compound

4. A person who accepts an offer to compound an offence which may be compounded shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule and return Form 3 to the Director General.

Payment of compound

5. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he shall pay the compound in cash, by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Malaysian Timber Industry Board, or through electronic banking.

(2) The payment made under subregulation (1)—

(a) in cash shall be delivered personally to the Malaysian Timber Industry Board or any branch as determined by the Director General;

(b) by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft shall be delivered personally or sent by prepaid registered post to the address specified in Form 2 of the Second Schedule; or

(c) through an electronic banking into a bank account number as displayed in the Malaysian Timber Industry Board website and payment receipt shall be submitted as proof of payment.

(3) The Director General shall issue an official receipt for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound is made.

Prosecution may be instituted if no payment made

6. If no payment of the compound offered is made within the period specified in subregulation 3(2), prosecution may be instituted without further notice.

Revocation

7. The Malaysian Timber Industry Board (Compounding of Offences) Regulations 1999 [*P.U. (A) 110/1999*] is revoked.

Saving

8. Any Offer to Compound Offence or Acceptance of Offer to Compound Offence issued under the Malaysian Timber Industry Board (Compounding of Offences) Regulations 1999 [*P.U. (A) 110/1999*] shall be dealt with, continued and conclude under the Regulations as if the offer has been issued under this Regulations.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 2(1)]

COMPOUNDABLE OFFENCES

The following offences are prescribed to be offences which may be compounded:

(a) the offences committed under the provisions of the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) Act 1973 as follows:

- (i) subsection 17(6);
- (ii) subsection 18A(2);
- (iii) subsection 20(3);
- (iv) subsection 26L(2); and
- (v) subsection 26V(2);

(b) the offences committed under the provisions of the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) (Registration) Regulations 2023 [P.U. (A) 297/2023] as follows:

- (i) subregulation 14(2);
- (ii) subregulation 15(2); and
- (iii) subregulation 17(2).

SECOND SCHEDULE

FORM 1

[Subregulation 2(2)]

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION) ACT 1973

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION)
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2023

CONSENT TO COMPOUND OFFENCE

IN exercise the powers conferred by subsection 30B(1) of the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) Act 1973 [Act 105] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [Act 593], I(*name*)..... give consent to compound (*name of the person to whom the compound offer is made*) for the offences committed under which is/are said have been committed on (*date*) at (*place*)

Dated of 20

.....
Public Prosecutor/
Deputy Public Prosecutor

FORM 2

[Subregulation 3(1)]

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION) ACT 1973

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION)
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2023

OFFER TO COMPOUND OFFENCE

Reference number:

Date :

Director General
Malaysian Timber Industry Board
Level 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu
56100 Cheras
Kuala Lumpur

To:

.....
.....
.....

Sir/Madam*,

An investigation has been conducted against you,

*(state name of the *company/business/other body, if any)*

and you are found to have committed the offence under the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) Act 1973 [Act 105]/regulations made under the Act with the following particulars:

(a) relevant provisions of the Act/regulations**:

.....
.....

(b) date:

(c) time:

(d) place or premises:

(e) particulars of offence:

.....
.....
.....

2. Pursuant to subsection 30B(1) of the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) Act 1973, with the written consent in writing of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offences stated above for the sum of RM (.....ringgit only).

3. If the offer to compound is accepted, payment shall be made in cash/ by money order/postal order/cashier's order/banker's order or bank draft* crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the "Malaysian Timber Industry Board" and shall be delivered personally or sent by prepaid registered post to the following address:

Malaysian Timber Industry Board
Level 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu
56100 Cheras, Kuala Lumpur

4. Payment through an electronic banking shall be made into a bank account number as displayed in the Malaysian Timber Industry Board website and payment receipt shall be submitted as proof of payment.

5. An official receipt shall be issued on receipt of the payment of the compound.

6. This offer to compound shall be valid until

7. If there is no payment received within period referred to in paragraph 5, prosecution for the offence may be instituted against you/

.....

*(state name of the *company/business/other body, if any)*

without further notice.

.....

Director General

** Delete whichever is inapplicable.*

*** Insert citation of the relevant legislation*

FORM 3

[Subregulation 3(2)]

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION) ACT 1973

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION)
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2023

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCE

Report number:

To:

Director General

Malaysian Timber Industry Board

Level 13-17, Menara PGRM

No. 8, Jalan Pudu Ulu

56100 Cheras

Kuala Lumpur

Sir/Madam*,

I refer to the Offer to Compound Offence bearing the reference number and dated

2. I accept the offer to compound and enclose herewith is the payment in *cash or by money order/postal order/cashier's order/banker's order/bank draft No. crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Malaysian Timber Industry Board or proof of payment through electronic banking for the sum of RM (..... ringgit only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offence.

Signature :

Name (*in capital letter*) :

Identification No./Passport No.* :

Designation (*if applicable*) :

On behalf (*if applicable*) :

*(state name of the *company/business/other body)*

Company Seal/Business Stamp
of other body* (*if applicable*) :

Registration No./Licence No./
Permit No.* (*if applicable*) :

Address :

.....

.....

Date :

* Delete whichever is inapplicable.

**Note: Payment of compound shall be made under the name of:
"Malaysian Timber Industry Board"**

<p style="text-align: center;">FOR OFFICE USE</p> <p>Payment Date:</p> <p>Official Receipt No.:</p>
--

Made 31 July 2023
[MPIC.KTK (S) 600-1/1/2 Jld. 2 (17); PN(PU2)129/Jld. 12]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Minister of Plantation and Commodities